

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN WONG CHEN [SUBANG]

SOALAN : 488

Tuan Wong Chen [Subang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kerajaan akan mengenyahkan jenayah cubaan bunuh diri memandangkan undang-undang yang sedia ada tidak efektif dan tidak membantu menyelesaikan masalah mangsa yang terlibat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kes cubaan untuk membunuh diri di kalangan penduduk negara ini adalah disebabkan oleh pelbagai faktor seperti masalah kewangan, tekanan jiwa, kecewa dalam percintaan, masalah keluarga dan sebagainya. Perbuatan ini diklasifikasikan sebagai suatu kesalahan di bawah seksyen 309 Kanun Keseksaan yang boleh membawa hukuman penjara satu tahun atau dengan denda atau kedua-duanya sekali.

Statistik kes cubaan membunuh diri pada tahun 2017 seramai 256 orang dan pada tahun 2018 adalah seramai 261 orang. Secara keseluruhannya bagi tahun 2017 dan tahun 2018, individu yang terlibat dalam kes cubaan membunuh diri yang berumur di bawah 18 tahun adalah seramai 48 orang, berumur antara 19 tahun ke 40 tahun seramai 371 orang dan yang berumur 41 keatas seramai 98 orang.

Kementerian berpandangan bahawa kesalahan bagi cubaan membunuh diri masih lagi relevan untuk dilakukan siasatan oleh pihak polis walaupun jarang sekali kesalahan ini dibuat pertuduhan di mahkamah. Statistik siasatan yang dibuat di bawah seksyen 309 Kanun Keseksaan boleh digunakan sebagai panduan untuk mengetahui punca mengapa individu terbabit nekad mengambil tindakan sehingga sanggup membunuh diri. Melalui data yang diperolehi, analisa boleh dibuat oleh pihak tertentu untuk tujuan pencegahan.